



GARIS PANDUAN

SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH
INSTITUT PENDIDIKAN MARA (IPMa)

Anda

Boleh Lakukan Perubahan

PERANGI Rasuah



KANDUNGAN

TAJUK

M/S

Visi, Misi, Objektif	4
Objektif Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa)	5
Peranan Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa)	6
Struktur Organisasi SPR IPMa	7
Garis Panduan Pelaksanaan Program Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa)	9
Lampiran A Format Penyediaan Kertas Cadangan Program Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA (SPR IPMa)	14
Lampiran B Carta Alir Penyediaan Kertas Cadangan Program	16
Lampiran C Carta Alir Pelaksanaan Program	17
Lampiran D Borang Laporan Pelaksanaan Program	18
Lampiran E Carta Alir Penyediaan Laporan	19
Lampiran F Borang Penilaian Pelaksanaan Program	20
Alamat SPRM, Unit Integriti MARA, IPMa	22





VISI SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (SPR)

Melahirkan pelajar yang berintegriti dengan sahsiah unggul dan bebas daripada rasuah bagi mengangkat martabat bangsa.

MISI SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (SPR)

Menjadi penghubung dalam usaha pencegahan rasuah di Institut Pendidikan MARA (IPMa) melalui program nilai-nilai murni secara berterusan

OBJEKTIF SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (SPR)

Mewujudkan generasi berintegriti dengan menjauhi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.



OBJEKTIF SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH INSTITUT PENDIDIKAN MARA (SPR IPMa)

- Menerapkan nilai etika, integriti, anti rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di kalangan pelajar IPMa;
- Mendedahkan pelajar IPMa kepada program yang membentuk diri beretika, berintegriti dan anti rasuah melalui aktiviti kemasyarakatan di dalam dan luar IPMa;
- Melahirkan pelajar IPMa sebagai agen menyebarkan mesej-mesej integriti dan anti rasuah kepada warga IPMa dan masyarakat setempat;
- Meningkatkan kesedaran warga IPMa dan masyarakat setempat tentang kepentingan untuk mengamalkan nilai etika, Integriti dan anti rasuah dalam melaksanakan sebarang urusan harian;
- Mewujudkan pusat rujukan ilmiah mengenai nilai-nilai etika, integriti, kesalahan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menangani jenayah ini, dan
- Meningkatkan perkongsian pintar di antara SPRM dan IPMa dalam usaha pencegahan rasuah.



PERANAN SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH INSTITUT PENDIDIKAN MARA (SPR IPMa)

Penubuhan SPR IPMa adalah berkonsepkan dasar kerjasama yang diwujudkan antara SPRM dengan MARA seperti berikut:-

● PERANAN SPR IPMa

- Menyelaras urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan program integriti dan pencegahan rasuah sama ada yang dianjurkan oleh SPRM atau badan-badan pertubuhan pelajar. Termasuk penyelaras bagi mendapatkan penyertaan Warga IPMa atau hebahan makluman program;
- Memberi panduan dan informasi mengenai cara-cara pengendalian program integriti, pencegahan rasuah dan menyampaikan maklumat-maklumat aktiviti yang dianjurkan;
- Sebagai organisasi perantara di antara MARA, SPRM dan pelajar di dalam pelaksanaan program-program integriti dan pencegahan rasuah; dan
- Menyediakan bahan-bahan publisiti seperti bunting, logo, pelekat, risalah dan lain-lain bahan penerbitan untuk menyampaikan mesej anti rasuah dikalangan warga IPMa dan masyarakat setempat.

● PERANAN PENGAWAL PUSAT IPMa

- Menyelaras urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan program integriti dan anti rasuah sama ada yang dianjurkan oleh SPRM, MARA atau badan-badan pertubuhan pelajar IPMa. Ini termasuk penyelaras bagi mendapatkan penyertaan warga IPMa atau hebahan makluman program.



STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA PUSAT SPR IPMa





STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA INDUK SPR IPMa

PENASIHAT BERSAMA

Ketua Pesuruhjaya SPRM

Ketua Pengarah MARA

KETUA PENYELARAS

TKP MARA (Pendidikan),

Pengawal Program IPMa,

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) SPRM

URUS SETIA

Ketua Unit PenMas, SPRM Negeri,

Ketua Unit Integriti



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PENCEGAHAN RASUAH INSTITUT PENDIDIKAN MARA (IPMa)

1. PENDAHULUAN



- 1.1 Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditubuhkan untuk mendidik orang ramai menentang rasuah serta mendapatkan dan memelihara sokongan mereka dalam usaha memerangi rasuah.
- 1.2 Kerajaan memandang serius usaha-usaha penerapan nilai integriti dan pencegahan rasuah melalui kurikulum pendidikan di Institut Pendidikan MARA (IPMa) sebagai satu langkah untuk melahirkan generasi masa depan yang berintegriti dan bebas dari jenayah rasuah dalam menjayakan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk mencapai masyarakat yang berintegriti dan beretika.
- 1.3 Sehubungan dengan itu, satu garis panduan pelaksanaan program pencegahan rasuah di IPMa disediakan untuk memastikan usaha-usaha penerapan nilai integriti dan pencegahan rasuah serta mengelakkan salah guna kuasa dan penyelewengan dikalangan Warga IPMa dapat dilaksanakan dengan jayanya.

2. PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM INTEGRITI DAN PENCEGAHAN RASUAH



2.1 KERTAS CADANGAN

- 2.1.1 Mana-mana persatuan / kelab / jawatankuasa kerja di IPMa yang ingin melaksanakan program dan memohon peruntukan kewangan hendaklah terlebih dahulu menyediakan kertas cadangan dan mendapatkan kelulusan dari pengawal pusat IPMa.



Format Penyediaan Kertas Cadangan adalah seperti di Lampiran A

- 2.1.2 Pengawal Pusat IPMa hendaklah menghantar sesalinan kertas cadangan tersebut kepada Unit Integriti sebagai makluman.
- 2.1.3 Nama program mestilah dipilih mengikut kesesuaian aktiviti integriti, pencegahan rasuah dan / atau pengukuhan integriti yang dilaksanakan.

2.2 KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM

- 2.2.1 Penganjur perlulah memahami serta mematuhi etika dan peraturan IPMa.
- 2.2.2 Penganjuran program adalah berkonsepkan perkongsian bestari antara SPRM / IPMa.
- 2.2.3 Perbincangan / penerangan mengenai program pencegahan rasuah yang ingin dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu yang mana melibatkan pihak berkuasa tempatan atau pihak swasta atau pihak lain perlulah dibuat 2 bulan sebelum tarikh pelaksanaan. Jangka waktu ini bagi membolehkan perbincangan di semua peringkat yang terlibat untuk mendapatkan kebenaran dan kelulusan.
- 2.2.4 Pegawai SPRM dilantik sebagai salah seorang penasihat projek bagi program kerjasama dengan pihak SPRM.

2.3 PROGRAM / AKTIVITI

- 2.3.1 Pengisian aktiviti hendaklah berasaskan kepada aktiviti-aktiviti pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah.



- 2.3.2 Bagi aktiviti yang melibatkan masyarakat tempatan, ahli jawatankuasa program seharusnya memaklumkan kepada peserta-peserta mengenai peranan SPR di IPMa. Pelaksana dan fasilitator perlu menunjukkan contoh yang baik dan bersesuaian dengan masyarakat tempatan.
- 2.3.3 Nyanyian lagu Negaraku, lagu Basmi Rasuah, lagu MARA dan pembacaan Ikrar Rukun Negara perlu dimasukkan ke dalam atur cara majlis perasmian/ pembukaan program pencegahan rasuah IPMa.
- 2.3.4 Mesej yang hendak disampaikan bagi setiap program mesti merangkumi mesej integriti dan pencegahan rasuah yang ditetapkan oleh SPRM.

2.4 PENYERTAAN

- 2.4.1 Pengajur hendaklah menentukan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah penyertaan adalah dari kalangan pelajar.
- 2.4.2 Program yang mengambil kira penglibatan komuniti tempatan adalah sangat digalakkan.

2.5 PROMOSI

- 2.5.1 Logo SPRM perlu dipamerkan pada semua jenis bahan promosi seperti banner, brosur, poster, cenderamata, buku program, baju kemeja-T, topi, borang, sijil penyertaan dan lain-lain.
- 2.5.2 Sebarang bentuk publisiti termasuk sidang akhbar perlu menekankan liputan atas nama SPR di IPMa dengan kerjasama SPRM dan bukan merupakan penaja program.



2.5.3 Sebarang bentuk percetakan dan penulisan, kenyataan kepada pihak akhbar dan buku program yang akan didokumentasikan atau diterbitkan untuk tujuan hebahan perlu dirujuk kepada Unit Integriti MARA terlebih dahulu bagi tujuan pengesahan dan kelulusan.

2.6 PENYEDIAAN LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM

- 2.6.1 Laporan pelaksanaan program perlu dihantar kepada Unit Integriti MARA dan salinan kepada Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) SPRM dalam tempoh 14 hari selepas program dilaksanakan.
- 2.6.2 Laporan pelaksanaan program perlu mengandungi butir-butir lengkap program seperti format yang dilampirkan (Lampiran D).
- 2.6.3 Penilaian mengenai impak program adalah merupakan sebahagian daripada kandungan atau ulasan dalam laporan pelaksanaan program. Pengangur boleh melihat ketepatan/ keberkesanan program diukur daripada aspek :
- i) Objektif program dan objektif SPR IPMa secara keseluruhan telah dicapai.
 - ii) Mengukur tahap pengetahuan peserta sebelum dan selepas pelaksanaan program. (Lampiran F)
 - iii) Tanggapan para peserta dari segi peranan aktiviti-aktiviti integriti dan pencegahan rasuah terhadap pembentukan sahsiah diri mereka.
 - iv) Penerimaan masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti integriti dan pencegahan rasuah di IPMa yang telah dijalankan.



Format penyediaan laporan pelaksanaan program adalah seperti di Lampiran D

3. PENUTUP



- 3.1 Menggalakkan golongan pelajar bergiat aktif menggerakkan program integriti dan pencegahan rasuah yang ditetapkan oleh SPRM demi mencapai wawasan negara maka garis panduan ini perlulah difahami serta dipatuhi oleh Sekretariat IPMa.
- 3.2 SPR IPMa merupakan salah satu wadah untuk menjamin kesinambungan kecemerlangan dalam segala aspek kehidupan melalui penerapan nilai-nilai murni, berintegriti tinggi serta pencegahan rasuah ke arah meningkatkan kecemerlangan rakyat Malaysia di masa akan datang.



FORMAT PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PROGRAM SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH INSTITUT PENDIDIKAN MARA (SPR IPMa)

➤ Tajuk Kertas Cadangan

- Nyatakan tajuk kertas cadangan (Kertas Cadangan Memohon Kelulusan dan Peruntukan Program SPR bagi melaksanakan {Nama Program})

➤ Pendahuluan

- Nyatakan tujuan kertas cadangan ini dikemukakan.

➤ Latar Belakang Program

- Nyatakan nama aktiviti program
- Tarikh pelaksanaan
- Tempat pelaksanaan
- Pengajuran - Nyatakan nama pengajur (persatuan / kelab / majlis dan sebagainya)
- Kumpulan sasaran - Nyatakan dengan jelas kumpulan yang disasarkan atau kumpulan yang akan menyertai / menghadiri program.
- Justifikasi - Nyatakan mesej yang hendak disampaikan.
- Nyatakan perancangan program.

➤ Objektif

- Nyatakan dengan jelas objektif program

➤ Kos Pelaksanaan

- Nyatakan perbelanjaan yang dianggarkan.
- Nyatakan sumber kewangan untuk melaksanakan program tersebut.



➤ Aturcara Program

- Nyatakan dengan terperinci aturcara program atau aktiviti dalam program.

➤ Majlis Perasmian

- Nyatakan tetamu jemputan khas.
- Nyatakan individu yang dijemput untuk merasmikan program

➤ Jawatankuasa Kerja


- Lampirkan struktur organisasi SPR IPMa
- Lampirkan senarai jawatankuasa kerja
- Nyatakan nama dan nombor telefon Urusetia yang boleh dihubungi

➤ Penutup

- Nyatakan jumlah peruntukan program SPR IPMa yang dipohon.



CARTA ALIR 1: PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PROGRAM





CARTA ALIR 2: PELAKSANAAN PROGRAM

A SEBELUM PROGRAM

Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana

B SEMASA PROGRAM

Mengadakan taklimat program kepada peserta pada hari pertama program dilaksanakan

C SELEPAS PROGRAM

Memastikan perjalanan program mengikut jadual yang telah ditetapkan

Melaksanakan post mortem selewat-lewatnya satu (1) minggu selepas program

Menyediakan Laporan (Sila rujuk Lampiran D)

**BORANG LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM**

Nama Pusat :
Alamat Pusat :

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	DIRASMI OLEH (JIKA ADA)	SASARAN		KOS	MAKLUM BALAS
					PESERTA	JUMLAH		

Nota: Sila lampirkan gambar-gambar aktiviti program.

Disediakan oleh:

.....

Nama:

Jawatan :

Tarikh:

Disahkan oleh:


.....

Nama Pengawal Pusat

Tarikh:



CARTA ALIR 3: PENYEDIAAN LAPORAN PROGRAM





LAMPIRAN F

Majlis Amanah Rakyat



BORANG PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM

(Perlu dipenuhi oleh peserta dan dikembalikan di akhir program)



BAHAGIAN I : JENIS PROGRAM

1. Nama Program	
2. Tarikh dan tempoh program	
3. Tempat	

BAHAGIAN II : MAKLUMAT RESPONDEN

Tandakan ✓ pada petak berkenaan

1. Jantina Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan <input type="checkbox"/>	2. Umur 18 – 25 Tahun <input type="checkbox"/> 26 – 40 Tahun <input type="checkbox"/> 41 – 55 Tahun <input type="checkbox"/> 55 Tahun > <input type="checkbox"/>
3. Kumpulan Pelajar <input type="checkbox"/> Sokongan I <input type="checkbox"/> Pengurusan & <input type="checkbox"/> Pengurusan <input type="checkbox"/> Professional Tertinggi	4. Tempoh Perkhidmatan/Belajar 1 – 3 Tahun <input type="checkbox"/> 4 – 10 Tahun <input type="checkbox"/> 11 – 25 Tahun <input type="checkbox"/> 25 Tahun > <input type="checkbox"/>

BAHAGIAN III : PENILAIAN PROGRAM

SKALA : 1 = Lemah 2 = Sederhana 3 = Memuaskan 4 = Baik 5 = Cemerlang

PENCERAMAH / PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	ISI KANDUNGAN	PERSEMBAHAN & PENYAMPAIAN	INTERAKSI DENGAN PESERTA	KEFAHAMAN ANDA MENGENAI PENERANGAN YANG DIBERIKAN
1. Taklimat Program –				
2. 'Ice Breaking' –				
3. Peranan SPR IPMa Sebagai 'Key Communicator' & 'Agent' dalam Menyebarluaskan Mesej Anti Rasuah"				



4. Penerangan Mengenai Kesalahan Rasuah dan Kesannya		
5. Penerangan Garis Panduan & Pelaksanaan Program Pencegahan & Facebook SPRM Didik		
6. LDK: Brainstorming Bersama SPR IPMa – Method Program / Aktiviti SPR IPMa –		

BAHAGIAN IV : PENILAIAN KEMUDAHAN DAN TEMPOH MASA

SKALA : 1 = Lemah 2 = Sederhana 3 = Memuaskan 4 = Baik 5 = Cemerlang

SKALA	1	2	3	4	5
1. Penginapan dan ruang program					
2. Makanan dan minuman					
3. Bahan-bahan rujukan					
4. Tempoh masa program dijalankan					
5. Jadual / atur cara perjalanan program					
6. Peralatan dan kelengkapan					
7. Sila beri komen / cadangan penambahbaikan program *					

* sila buat lampiran berasingan jika ruang tidak mencukupi



ALAMAT SPRM

SPRM PUTRAJAYA

Bahagian Pendidikan Masyarakat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Aras 4,Blok D6 Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Peti Surat 6000
62007 Putrajaya
Tel : 03-8886 7013
Faks : 03-8888 9527

Akademi Pencegahan

Rasuah Malaysia (MACA)

Persiaran Duta Off Jalan Duta
50480 Jalan Duta, Kuala Lumpur
Tel : 03-62092800 62092901
Faks : 03-62016782

SPRM KUALA LUMPUR

Jalan Conchrane
Peti Surat 6000
50988 Kuala Lumpur
Tel: 03-92065000 / 92065001
Faks: 03-92065198 / 92065199

SPRM PERLIS

Tingkat 7, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
Peti Surat 6000
01700 Kangar, Perlis
Tel : 04-9761982 / 9763982
Faks : 04-9765828

SPRM TERENGGANU

Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
Peti Surat 6000
20720 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel : 09-6301920 / 6301921 / 6301922
Faks : 09-6301923

SPRM SELANGOR

Tingkat 7 & 8, Wisma PKPS,
Persiaran Perbandaran Seksyen 14,
40675 Shah Alam
Tel : 03-55197370
Faks : 03-55109094

SPRM PERAK

Plot 7, Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
Peti Surat 6000,
30020 Ipoh, Perak
Tel : 05-5267000 / 5261227
Faks : 05-5261214

SPRM SABAH

Aras 3, Blok A,
Kompleks Pentadbiran
Persekutuan Sabah,
Peti Surat 6000,
88400 Kota Kinabalu
Sabah
Tel : 088-488381 / 382 / 383 / 384
Faks : 088-488387

**SPRM SARAWAK**

Tingkat 12,
Bangunan Sultan Iskandar
Peti Surat 6000
Jalan Simpang Tiga
93764 Kuching
Sarawak
Tel : 082-245115 / 241982 / 424092
Faks : 082-426779

SPRM JOHOR

Tingkat 9, Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek, Peti Surat 6000
80730 Johor Bahru
Johor
Tel : 07-2241982/ 2230612/ 2230613
Faks : 07-2236646

SPRM PAHANG

Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut, Peti Surat 6000
25700 Kuantan,
Pahang
Tel : 09-5121470 / 5121470
Faks : 09-5159130 / 5159130

SPRM KELANTAN

Kompleks SPRM Negeri Kelantan
Jalan Sultan Yahya Petra
Peti Surat 6000
15990 Kota Bharu
Kelantan
Tel: 09-7661800
Faks : 09-7477249/ 09-7477305

SPRM LABUAN

4C-1, Tingkat 4, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
Peti Surat 6000
87000 Labuan
Wilayah Persekutuan
Tel : 087-421992 / 421993
Faks : 087-423378

SPRM NEGERI SEMBILAN

Jalan Dato' Kelana Makmur
Peti Surat 6000
70700 Seremban,
Negeri Sembilan
Tel : 06-7625446 / 7620207
Faks : 06-7620522

SPRM KEDAH

Tingkat 2, Blok B,
Bangunan Persekutuan
Jalan Sultan Badlishah
Peti Surat 6000
05720 Alor Setar
Kedah
Tel: 04-7001880/ 04-70001881
Faks : 04-7001870

CETAKAN PERTAMA 2013

Unit Integriti MARA

No. 21, Jalan Raja Laut, 50609 Kuala Lumpur.